

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
(PAYA BESAR)**

TARIKH : 25 JULAI 2017

NO. SOALAN : 28

SOALAN : Minta Perdana Menteri menyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi laporan *Global Peace Index* 2016 oleh Institute for Economics and Peace menyebut bahawa Malaysia termasuk dalam kalangan 30 negara yang paling aman di dunia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Global Peace Index (GPI) diukur melalui 23 petunjuk kualitatif dan kuantitatif dari sumber yang sah merangkumi tiga domain yang luas seperti berikut:

- a) tahap keselamatan dan jaminan keselamatan dalam masyarakat bagi sesebuah negara;
- b) sejauh mana berlakunya konflik politik dalaman dan antarabangsa bagi sesebuah negara; dan
- c) tahap kekuatan ketenteraan bagi sesebuah negara.

Antara beberapa faktor yang mempengaruhi laporan GPI 2016 yang meletakkan Malaysia dalam kalangan 30 negara terbaik adalah seperti berikut:

- i) Dari segi konflik dalam negara, Malaysia juga dianggap sebagai negara yang kurang mengalami konflik dalaman yang agak serius dan mengancam di mata dunia yang turut menyumbang kepada keharmonian dan kesejahteraan masyarakat negara ini.
- ii) Komitmen penglibatan Malaysia dalam misi-misi keamanan dunia juga turut memberikan imej positif kepada negara ini dan meletakkannya sebagai salah sebuah negara yang mementingkan keamanan dunia secara keseluruhannya.
- iii) Sikap berkecuali yang diamalkan oleh Malaysia selama ini di persada antarabangsa telah menyebabkan ketidakterlibatan Malaysia dalam sebarang konflik antarabangsa yang turut menyumbang kepada kedudukan yang lebih baik kepada Malaysia dalam GPI 2016.
- iv) Hubungan diplomatik yang baik antara Malaysia dengan negara-negara lain di peringkat antarabangsa juga turut menyumbang kepada kedudukan yang lebih baik kepada Malaysia dalam GPI 2016 kerana Malaysia merupakan salah sebuah negara model yang stabil dari segi politik dan ekonominya walaupun rakyatnya berbilang kaum, agama dan budaya.

Kerajaan Malaysia sentiasa melakukan usaha untuk mewujudkan budaya keamanan dalam minda masyarakat Malaysia melalui pengamalan tiga

prinsip utama iaitu *bargaining*, *negotiation* dan *reconciliation* bagi mengelakkan sebarang pertikaian, konflik dalaman dan keganasan antara kaum bagi menjamin kehidupan rakyat secara berterusan.

Sekian, terima kasih.